

PM lancar Tahun Pembaca '88

Jadikan buku

teman anda

1988
DATUK Seri Dr Mahathir Mohamad mengajak rakyat menjadikan buku sebagai teman hidup sehari-hari, kerana buku adalah jambatan ilmu yang dapat menghubungkan mereka dengan alam persekitaran, masyarakat, negara dan dunia luar.

Perdana Menteri menegaskan: "Melalui buku dan pembacaan, kita akan dapat membentuk suatu budaya, tradisi nilai dan pemikiran bangsa yang akan menjadi asas kekuatan bangsa dan negara."

Berucap melancarkan Tahun Pembaca 1988 menerusi RTM malam ini, beliau berkata membaca dan menerapkan ilmu adalah satu nikmat yang perlu dihargai dan digunakan sepenuhnya kerana bagi manusia yang bersyukur, peluang keemasan membaca tidak boleh dilepaskan.

"Masyarakat yang jahil tidak akan menikmati kebahagiaan. Mereka akan hidup untuk makan, minum, tidur dan memenuhi hawa nafsu sahaja," katanya.

Datuk Seri Dr Mahathir mengingatkan bahawa masyarakat yang hidup kerana memenuhi nafsu semata-mata akan ditindas dan diperalatkan oleh orang yang berilmu pengetahuan.

Beliau menegaskan rakyat yang ingin maju mesti memahami dengan luas perkembangan-perkembangan yang mempunyai kesan terhadap kehidupan mereka iaitu mengenai alam sekeliling, sejarah, sains, teknologi dan agama.

"Rakyat yang lebih berpengetahuan akan menjadi lebih waras dan lebih cekap dalam mempertimbangkan reaksinya terhadap segala kejadian dan tinda-

KUALA LUMPUR,
Khamis

kah yang mempunyai kesan kepada dirinya dan masyarakat," tegasnya.

Perdana Menteri berkata masyarakat yang dianggotai oleh rakyat yang waras dan bertanggungjawab akan menjadi lebih maju dan bahagia.

Beliau juga berkata penguasaan beberapa bahasa asing perlu bagi mendapatkan ilmu dan faedahnya.

Beliau berpendapat pada zaman moden ini, orang yang berilmu mesti menguasai sekurang-kurangnya dua bahasa iaitu bahasa ibunda atau Bahasa Kebangsaannya dan satu lagi bahasa asing.

● Teks penuh ucapan PM di muka 10.

"Dengan ini akan terbukalah sumber ilmu yang lebih luas, terutama melalui pembacaan buku dalam bahasa asing," katanya.

Beliau juga menegaskan semangat kebangsaan seseorang tidak akan terjejas jika dia faham dua tiga bahasa kerana yang penting ialah dia tidak membelakangkan bahasanya sendiri dan menjadi warganegara yang berilmu.

Perdana Menteri juga mengesyorkan supaya Majlis Kemajuan Buku Kebangsaan (MKBK) atau Persatuan Penerbit Buku Malaysia (PPBM) mengeluarkan katalog buku-buku baru setiap tahun untuk diedarkan percuma atau dijual kepada orang ramai.

Beliau juga meminta akhbar-akhbar meningkatkan usaha membuat ulasan mengenai buku, khususnya buku-buku yang bermutu tinggi, bagi meningkatkan minat membaca di kalangan rakyat.

Datuk Seri Dr Mahathir juga berpendapat adalah lebih baik jika buku umum untuk bacaan orang ramai diterbitkan dalam bentuk murah, misalnya dalam edisi kulit nipis bagi membolehkan lebih ramai rakyat membeli buku dan membaca.